

SOALAN NO. 40**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan kos, butiran perjalanan dan hasil lawatan penaung program PERMATA Datin Seri Rosmah Mansor ke London pada 4 hingga 10 Mei 2017 dengan diiringi oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos yang terlibat dalam lawatan rasmi YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor ke London, United Kingdom dari 4 hingga 10 Mei 2017 adalah seperti mana yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri yang telah dibentangkan pada 26hb April 2017 dengan menggunakan peruntukan sedia ada Jabatan Perdana Menteri.

Antara program lawatan rasmi tersebut adalah seperti berikut:

- i. perbincangan bersama *Oxford Centre for Islamic Studies (OXCIS)* untuk menerokai peluang kerjasama bersama PERMATA Insan;
- ii. mengadakan perjumpaan dan Majlis Makan Tengahari bersama para pelajar PERMATA yang mengikuti pengajian tinggi di sekitar London;
- iii. perasmian Majlis Nobel Minda (*Nobelism Mindset*) - Program anjuran PERMATA Pintar dengan *Royal Society Of London*;
- iv. menyaksikan Majlis Menandatangani *Letter of Intent (LOI)* atau Surat Hasrat untuk memulakan kolaborasi antara PERMATA Pintar dan Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama University of Cambridge; dan

- v. mengadakan lawatan dan perbincangan bersama *Specialist Domestic Violence Court* dan *Rape and Serious Sexual Offences Team (RASSO)*, *The Crown Prosecution Service*.

Antara hasil serta manfaat yang diperolehi daripada lawatan tersebut dapat dilihat melalui perkara-perkara berikut:

- i. Melalui persefahaman yang dicapai dengan OXCIS, PERMATA Pintar dan PERMATA Insan akan bekerjasama mengembangkan bakat pelajar melalui program kepimpinan yang dijalankan oleh pihak OXCIS.
- ii. Melalui kerjasama dengan *University of Cambridge*, *University College London* dan *Imperial College*, ianya akan membuka ruang dalam pelbagai bidang termasuklah penyelidikan, mentoran, pertukaran pelajar dan kakitangan akademik dan latihan dengan universiti-universiti berkenaan.
- iii. Pensyarah dari *University of Cambridge* telah bersetuju untuk menjadi ahli lembaga pendidikan Kolej PERMATA Pintar dan memberikan khidmat nasihat bagi memperbaiki kurikulum serta kaedah pengajaran sedia ada.
- iv. Sebagai sebahagian daripada usaha PERMATA di dalam kempen memerangi jenayah seksual kanak-kanak, lawatan kerja rasmi juga telah diadakan ke *Stratford Domestic Violence Court, London, United*

Kingdom. Mahkamah ini memberi tumpuan terhadap kes-kes keganasan keluarga selain menjalankan prosiding dan perbicaraan kes-kes jenayah seksual kanak-kanak. Lawatan kerja rasmi dan perbincangan juga telah diadakan bersama *Crown Prosecution Service* (CPS). Di bawah CPS, terdapat satu pasukan khas iaitu *The Rape and Serious Sexual Offences (RASSO) Team* yang telah ditubuhkan pada Januari 2014 oleh CSP Thames dan Chiltern bertujuan untuk menangani kes-kes rogol dan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang serius. Lawatan ini antara lain membantu di dalam menubuhkan Mahkamah Jenayah Seksual terhadap Kanak-Kanak yang dilancarkan pada 22 Jun 2017 lalu.

Sekian, terima kasih.